

Keberkesanan Sistem Pengurusan Kehadiran Konvokesyen Kolej Komuniti (SPKK) Terhadap Sikap dan Motivasi Graduan Kolej Komuniti Arau Perlis

Mohd Fadli Bin Ahdon¹, Norhayati Binti Md Sharif²,
Noor Haszlina Binti Hashim³

^{1,2}(Kolej Komuniti Arau, Perlis Malaysia)

³(Kolej Komuniti Bandar Darul Aman, Kedah Malaysia)

ABSTRAK : Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi pada masa kini menjadikan sistem pendidikan pengajian tinggi di Malaysia melahirkan lebih ramai graduan yang cemerlang, berkualiti dan celik IT. Malahan, lebih banyak sistem digital telah dilaksanakan secara atas talian bagi memudahkan proses pengurusan graduan yang bakal menghadiri majlis konvokesyen. Sistem Pengurusan Kehadiran Konvokesyen Kolej Komuniti (SPKK) yang dibangunkan ini bertujuan untuk memudahkan pra dan pasca graduan untuk menguruskan hari yang bersejarah bagi mereka sebagai seorang graduan kolej komuniti dengan lebih sistematik. Sistem ini membenarkan graduan mengesahkan kehadiran konvokesyen, menempah jubah konvokesyen serta memohon pengeposan sijil secara atas talian. Selain itu, dengan menggunakan aplikasi atas talian, pengguna dapat menggunakan sistem ini di mana-mana pada bila-bila masa sahaja. Pihak pengurusan kolej komuniti juga dengan mudah dapat melihat statistik semasa bilangan graduan yang bakal menghadiri konvokesyen serta bilangan jubah yang ditempah mengikut saiz yang berbeza. Sehubungan dengan itu, satu kajian telah dilaksanakan ke atas 40 orang graduan yang telah selesai menghadiri majlis konvokesyen bagi melihat sejauh manakah sikap dan motivasi pelajar terhadap penggunaan Sistem Pengurusan Kehadiran Konvokesyen Kolej Komuniti (SPKK). Ujian pra dan pasca telah dijalankan untuk membandingkan jumlah markah yang telah diperoleh oleh responden sebelum dan selepas sistem ini digunakan. Dapatan menunjukkan peningkatan markah sebanyak 31.2% dari 50.8% dalam ujian pra ke 82% dalam ujian pasca. Selain itu, hasil analisa data keberkesanan penggunaan sistem yang diperoleh telah membuktikan bahawa penggunaan SPKK dapat menjadi satu alternatif kepada sistem automasi pejabat di samping memperkenalkan faedah dan kepentingan sinkronisasi yang menjadi pemangkin ekonomi dan teknologi semasa, seraya menyediakan warga kolej komuniti dengan persediaan teknologi IR 4.0.

KATA KUNCI – Sistem konvokesyen, automasi pejabat, kolej komuniti, sistem atas talian, konvokesyen

I. PENGENALAN

Ledakan teknologi maklumat membawa kepada reformasi pengurusan organisasi. Ini lantaran daripada pengaruh teknologi maklumat dalam mempengaruhi kemampuan organisasi untuk bersaing dalam era globalisasi. Menurut Chen *et al.* (2010), penggunaan komputer dan perkembangan komunikasi merupakan pemangkin utama kepada revolusi maklumat yang membawa kepada perubahan yang menyeluruh terhadap cara hidup dan cara bekerja secara amnya. Ini termasuklah perubahan dalam sistem pengurusan pejabat dari manual kepada sistem maklumat automasi yang merangkumi daripada pelbagai aspek pekerjaan dan juga urusan harian di pejabat. Daripada fungsi sistem maklumat automasi sebagai alat yang menyokong pengurusan dan pentadbiran organisasi, kini sistem maklumat automasi merupakan salah satu komponen strategik yang mengintegrasikan pelbagai fungsi dalam organisasi (Tallon *et al.*, 2011). Salah satunya adalah melibatkan sistem automasi pengurusan konvokesyen graduan di institusi-institusi pendidikan.

Kebanyakan kaedah pengurusan konvokesyen di kolej komuniti yang sedia ada adalah berbentuk manual dimana graduan perlu mengisi borang-borang yang diperlukan untuk melengkapkan proses yang berkaitan dengan maklumat konvokesyen. Antara masalah-masalah semasa yang telah dikaji adalah permohonan untuk penganugerahan konvokesyen masih dilakukan secara manual. Pelajar perlu mendapatkan borang tamat belajar dan borang permohonan penganugerahan sijil serta mengembalikannya semula kepada unit peperiksaan kolej komuniti masing-masing. Borang tersebut mestilah mendapat semakan dan pengesahan daripada pegawai peperiksaan dan mereka yang bertauliah. Dengan ini, pelajar terpaksa terikat dengan waktu pejabat beroperasi.

Keberkesanan Sistem Pengurusan Kehadiran Konvokesyen Kolej Komuniti (SPKK) Terhadap Sikap dan Motivasi Graduan Kolej Komuniti Arau Perlis

Selain itu, bagi pihak pengurusan konvokesyen pula, mereka perlu menyimpan borang-borang permohonan tersebut. Mereka juga mengambil masa yang lama untuk memproses borang-borang permohonan bagi menghantar surat pengesahan kehadiran dan borang-borang yang berkenaan kepada graduan yang layak. Ini dapat membebankan pihak pengurusan konvokesyen. Melalui cara ini juga, borang yang dilakukan secara manual kemungkinan terdapat kesilapan dan boleh menyebabkan pelajar tidak layak untuk menerima penganugerahan sijil kolej komuniti mereka.

SPKK telah dibangunkan dengan tujuan untuk membaiki sistem sedia ada bagi memudahkan pra dan pasca graduan kolej komuniti untuk menguruskan hari yang bersejarah mereka sebagai seorang graduan kolej komuniti dengan lebih sistematik dan efisien. Sistem SPKK ini membolehkan graduan mengesahkan kehadiran konvokesyen, menempah jubah konvokesyen serta memohon pengeposan sijil secara atas talian. Selain itu, dengan menggunakan aplikasi atas talian, pengguna dapat menggunakan sistem ini dimana-mana pada bila-bila masa sahaja. Pihak pengurusan konvokesyen kolej juga dengan mudah dapat melihat statistik semasa bilangan graduan yang bakal menghadiri konvokesyen serta bilangan jubah yang ditempah mengikut saiz yang berbeza. Justeru itu, kajian ini cuba mengkaji potensi sistem pengurusan kehadiran konvokesyen secara atas talian menerusi penggunaan SPKK dalam kalangan graduan Kolej Komuniti Arau. Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Mengkaji kesan penggunaan SPKK di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap sikap graduan kolej komuniti dalam menggunakan sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian.
- b) Mengkaji kesan penggunaan SPKK di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap motivasi graduan kolej komuniti dalam menggunakan sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian.

Seterusnya, persoalan kajian dapat dikenalpasti berdasarkan objektif kajian seperti berikut:

- a) Apakah kesan penggunaan SPKK di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap sikap graduan kolej komuniti dalam menggunakan sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian?
- b) Apakah kesan penggunaan SPKK di antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap motivasi graduan kolej komuniti dalam menggunakan sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian?

SPKK dibangunkan atas inisiatif sendiri dengan inovasi dan kepakaran yang sedia ada dengan menggunakan pengaturcaraan Hypertext Preprocessor (PHP) dan pangkalan data My Structured Query Language (MySQL). Sistem ini telah ditumpangkan ke pelayan Kolej Komuniti Arau dan dapat dicapai di atas talian di alamat URL <http://stacksckkarau.org/konvo/> menerusi Internet atau melalui imbasan kod Quick Response (QR).

II. KAJIAN LITERATUR


Berdasarkan kajian lepas, Weiss dan Thorogood (2011) mendefinisikan Automasi Sistem Maklumat Pejabat sebagai satu proses untuk meningkat prestasi kakitangan sesebuah organisasi dengan menggunakan teknologi terkini serta cara-cara baru dalam menjalankan tugas. Proses ini merupakan aktiviti berterusan dan berlaku secara dinamik bagi menampung perubahan di dalam organisasi dan dalam kalangan kakitangan. Dalam kajian ini pula, pengkaji merujuk pengautomasian pejabat sebagai salah satu sistem berkomputer yang dikenali sebagai SPKK dalam menguruskan maklumat pendaftaran pelajar konvokesyen secara automatik tanpa melibatkan pengisian borang secara manual.

SPKK merupakan sebahagian daripada sistem pengurusan maklumat yang definisikan sebagai satu koleksi komponen-komponen yang berkaitan di antara satu sama lain dan saling berinteraksi untuk 'keluar-masuk', memproses dan menghasilkan *output* yang boleh digunakan untuk mencapai sesuatu objektif (O'Brien, 2008). Selain itu, suatu sistem maklumat boleh dikategorikan kepada dua iaitu manual dan automasi. Sistem maklumat automasi juga turut dikenali sebagai sistem maklumat berkomputer atau sistem maklumat berasaskan komputer (*CBIS - Computer Based Information System*). Sebelum kehadiran komputer, semua sistem maklumat adalah dalam bentuk manual iaitu proses pengumpulan data dan mengolah maklumat dilaksanakan tanpa menggunakan komputer. Namun setelah wujudnya komputer, hampir kebanyakan sistem maklumat yang digunakan dewasa ini adalah automasi atau menggunakan komputer sehingga menyebabkan istilah sistem maklumat menjadi sinonim dengan sistem pengurusan maklumat berkomputer.

Selain itu penggunaan CBIS amat meluas, ianya bukan sahaja terhad kepada organisasi besar, malah digunakan oleh syarikat-syarikat kecil sehingga peringkat individu di rumah. Ini membuktikan betapa pentingnya sistem maklumat dalam kehidupan kita. Menurut James A. O'Brien (O'Brien, 2008) dalam bukunya "*Management Information Sistem Eight Edition*", sistem pengurusan maklumat mempunyai 5 fungsi utama iaitu

Keberkesanan Sistem Pengurusan Kehadiran Konvokesyen Kolej Komuniti (SPKK) Terhadap Sikap dan Motivasi Graduan Kolej Komuniti Arau Perlis

input, proses, output, storan dan kawalan. Rajah 1 dibawah menunjukkan 5 fungsi atau aktiviti sistem pengurusan maklumat serta hubungan antaranya.



RAJAH 1: Sistem Pengurusan Berbantuan Komputer

Selain itu, berdasarkan Jadual 1, beberapa perbandingan dibuat hasil kajian daripada beberapa sistem konvokesyen sedia ada seperti yang digunakan di dalam Sistem E-Konvokesyen Universiti Teknologi Malaysia (Universiti Teknologi Malaysia, 2019), Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi MARA (Universiti Teknologi MARA, 2019) dan i-KONVO Politeknik Sultan Idris Shah (Politeknik Sultan Idris Shah, 2019) dalam memberi kemudahan kepada pengguna sistem sedia ada. Dapatan daripada perbandingan yang telah dibuat dapat digunakan untuk menghasilkan sistem yang lebih baik iaitu SPKK secara atas talian.

JADUAL 1: Perbandingan Antara Ciri-ciri Sistem Konvokesyen Sedia Ada

CIRI-CIRI	Sistem E-Konvokesen UTM [6]	Istiadat Konvokesyen UiTM [7]	i-KONVO Politeknik Sultan Idris Shah [8]	Sistem Pengurusan Kehadiran Konvokesyen Kolej Komuniti (SPKK)
Permohonan penganugerah sijil atas talian	X	X	X	✓
Pengesahan kehadiran atas talian	✓	X	✓	✓
Tempahan jubah konvokesyen atas talian	X	X	X	✓
Pengeposan sijil atas talian	X	X	X	✓
Beroperasi 24/7	X	X	X	✓

Antara ciri-ciri utama SPKK adalah memudahkan pengguna graduan dalam membuat permohonan graduasi pengesahan kehadiran dan penempahan jubah konvokesyen secara atas talian walaupun berada jauh daripada kolej. SPKK beroperasi 24/7 yang boleh diakses di mana-mana dan bila-bila masa serta pada pelbagai peranti seperti komputer, telefon pintar dan tablet. SPKK mengaplikasikan konsep *green technology* ke arah paperless dengan mengurangkan kos utiliti tanpa perlu lagi menggunakan kertas secara manual untuk mengisi borang-borang konvokesyen dan mengepos borang kepada pelajar. Selain itu, SPKK membolehkan info

Keberkesanan Sistem Pengurusan Kehadiran Konvokesyen Kolej Komuniti (SPKK) Terhadap Sikap dan Motivasi Graduan Kolej Komuniti Arau Perlis

berkaitan konvokesyen seperti informasi majlis konvokesyen, urusan surat menyurat dan borang-borang konvokesyen di lihat secara terus atas talian.

Sebagai pelajar gen Z di institusi pengajian tinggi khususnya di Kolej Komuniti Malaysia, telefon mudah alih pintar yang berharga sederhana merupakan peranti yang mampu dimiliki. Menerusi pendekatan heutagogi yang menawarkan kebebasan kepada pelajar untuk menentukan sendiri apa yang ingin diterokai, telefon mudah alih pintar menjadi medium penting dalam mencipta komunikasi yang luas di samping menghubungkan manusia pada masa nyata ataupun dunia maya. Ini disokong oleh Sharples (2006), yang menyebut tentang faedah telefon mudah alih pintar dalam menyokong penggunaan sistem pengurusan sepanjang hayat di samping menyediakan bantuan yang diperlukan dalam alam maya.

Motivasi penting dalam menarik minat pelajar untuk terus menggunakan peralatan mudah alih sebagai platform pembelajaran. Menurut Greenberg dan Baron (2000) motivasi ditakrifkan sebagai suatu proses yang mendorong, mengarahkan, memelihara perilaku manusia kearah pencapaian suatu tujuan. Motivasi juga membuat kita bergerak untuk melakukan sesuatu dan membantu kita untuk menyelesaikannya. Pendapat ini disokong oleh Taidin Suhaimin (2010) dimana motivasi adalah sesuatu yang menggerakkan dan mengarahkan seseorang dalam tindakan-tindakannya sama ada secara negatif atau positif. Santrock (2005) pula menyatakan motivasi merupakan proses menjana, mengarahkan dan mengekalkan tingkahlaku. Dalam konteks kajian ini, motivasi merujuk kepada kesediaan seseorang graduan menggunakan sistem pengurusan konvokesyen dengan penuh minat dan melaksanakan segala keperluan dengan berusaha keras hasil daripada peningkatan motivasi di dalam diri.

Manakala sikap adalah suatu keadaan dimana seseorang mempunyai perhatian terhadap sesuatu dan disertai keinginan untuk mengetahui dan mempelajari bagi membuktikan sesuatu dengan lebih lanjut lagi dalam proses pembelajaran. Mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia (2017), sikap memberi erti perbuatan atau pandangan yang berdasarkan sesuatu pendapat atau fikiran. Ini selaras dengan pandangan Aiken (2000) di mana menurutnya, sikap merupakan kecenderungan untuk bertindak secara positif atau negatif terhadap objek tertentu, situasi, institusi, konsep atau seseorang. Dalam konteks kajian ini, sikap adalah keadaan diri dalam manusia yang menggerakkan untuk bertindak atau berbuat dalam kegiatan sosial dengan perasaan tertentu di dalam tindak balas kepada objek situasi atau keadaan di lingkungan sekitarnya. Selain itu sikap juga memberikan kesediaan untuk bertindak balas yang sifatnya positif atau negatif terhadap objek atau situasi.

III. HASIL DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Untuk melihat keberkesanan penggunaan SPKK, satu kajian telah dilaksanakan terhadap dua kumpulan pelajar iaitu kumpulan kawalan dan eksperimen yang terdiri daripada graduan Kolej Komuniti Arau yang menggunakan kaedah mengisi borang konvokesyen secara manual dan yang menggunakan SPKK secara atas talian dengan merujuk kepada model Kurt Lewin (1946) sebagai panduan melaksanakan kajian. Model Kurt Lewin melibatkan lima langkah utama iaitu mengenal pasti aspek amalan, merancang pelan tindakan, melaksanakan pelan tindakan, melihat kesan tindakan, dan membuat refleksi ke atas segala tindakan. Dalam mengenal pasti aspek amalan, para pengkaji telah mengenal pasti aspek amalan dengan menggunakan tiga kaedah iaitu menemubual pelajar yang menghadiri konvokesyen dan menjalankan pemerhatian semasa proses pendaftaran. Selepas masalah dikenal pasti, satu pelan tindakan bagi mengatasi masalah telah direkabentuk.

Kerangka kerja konseptual seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 2 menerangkan bahawa pengkaji menggunakan graduan Kolej Komuniti Arau, Perlis seramai 40 orang pelajar sebagai sampel kajian terhadap keberkesanan penggunaan SPKK sebagai sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian. Ini berdasarkan 15% daripada purata 260 orang graduan Kolej Komuniti Arau yang bergraduasi pada setiap tahun. Dalam kajian ini, terdapat dua pembolehubah yang ingin dilihat oleh pengkaji iaitu kesan kepada motivasi pelajar terhadap penggunaan SPKK dan kesan kepada sikap pelajar terhadap penggunaan SPKK.



Rajah 2: Kerangka Kerja Konseptual

Tindakan seterusnya adalah memilih strategi untuk menyelesaikan masalah yang wujud dan mengenal pasti instrumen bagi proses pengumpulan data. Sebelum sesi pengujian dijalankan, para pengkaji telah menjalankan ujian pra ke atas peserta-peserta kajian. Langkah seterusnya adalah memberi rawatan menggunakan strategi yang telah ditentukan. Dalam langkah ini, SPKK telah dipilih bagi mengatasi masalah yang telah dikenal pasti. Langkah seterusnya bagi memenuhi reka bentuk kajian tindakan mengikut model Kurt Lewin adalah membuat penilaian terhadap strategi yang telah dipilih dan dijalankan ke atas sampel kajian dengan menjalankan ujian pasca. Tujuan penilaian tersebut adalah bagi menentukan keberkesanan strategi yang telah diberikan terhadap sampel. Akhirnya refleksi dilakukan terhadap rawatan yang telah diberikan terhadap sampel kajian.

Dalam pelaksanaan kajian ini, beberapa kaedah digunakan untuk pengumpulan data iaitu pemerhatian, ujian pra dan pasca, soal selidik serta temubual bersemuka dengan kumpulan eksperimen. Pemerhatian terhadap tingkah laku dan tindak balas graduan telah dibuat semasa proses pendaftaran konvokesyen sebelum ini. Adalah didapati pelajar menunjukkan tindakbalas yang minima dan minat yang kurang terhadap proses pendaftaran sebelum ini yang dijalankan secara konvensional dengan menggunakan borang.

Ujian pra diberikan kepada kumpulan eksperimen yang terdiri daripada 20 orang graduan untuk mengesan sejauh mana sikap dan motivasi mereka dalam membuat pendaftaran konvokesyen secara manual. Selepas graduan menjawab soalan ujian pra, markah mereka direkodkan dan kertas jawapan pelajar tidak dipulangkan. Seterusnya, para pelajar didedahkan pula dengan penggunaan SPKK sebagai sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian. Pelajar kemudiannya diberikan ujian pasca dengan set soalan yang sama untuk menguji minat dan motivasi mereka berhubung pelaksanaan pendaftaran konvokesyen. Daripada keputusan, para pengkaji dapat membuat analisa untuk menilai keberkesanan penggunaan SPKK sebagai sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian.

Borang soal selidik adaptasi dari Noraini (2008) turut digunakan dan diedarkan kepada graduan dalam kumpulan eksperimen. Untuk tujuan ini, instrumen pengujian berskala likert yang mengandungi 4 konstruk Ujian Ukuran Skala Motivasi Bahan Pengajaran (IMMS) digunakan. Selain itu, kaedah temubual bersemuka dilakukan selepas soal selidik dijalankan bertujuan untuk mengesahkan maklum balas berkaitan penggunaan SPKK. Temubual ini hanya dilaksanakan ke atas beberapa pelajar dari kumpulan sasaran yang dipilih secara rawak. Selain itu, temubual bersemuka juga dilakukan kepada ahli jawatankausa pendaftaran konvokesyen untuk mendapatkan pandangan mereka mengenai penggunaan SPKK sebagai medium pengurusan konvokesyen graduan di kolej komuniti.

Berdasarkan objektif serta faktor yang mempengaruhi kajian ini, beberapa hipotesis telah dibangunkan untuk diuji bagi mendapatkan keputusan kajian yang lengkap. Hipotesis tersebut adalah:

- i. H₀1: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor Min kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap sikap graduan Kolej Komuniti kesan daripada penggunaan SPKK sebagai sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian.
- ii. H₀2: Terdapat perbezaan yang signifikan di antara skor Min kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen terhadap motivasi graduan Kolej Komuniti kesan daripada penggunaan SPKK sebagai sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian.

Hasil analisis Ujian-t bagi menjawab soalan kajian tersebut adalah seperti dalam Jadual 2 dan Jadual 3.

JADUAL 2: Ujian-t Perbandingan Skor Min Ujian Pra Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Sikap Graduan Kolej Komuniti Kesan Daripada Penggunaan SPKK

Kumpulan	Bilangan	Skor Min	Sisihan lazim	Nilai-t	Tahap Signifikan
Eksperimen	20	46.3	16.226	0.912	0.01
Kawalan	20	40.9	20.244		

*Signifikan pada tahap $p < 0.05$

**Signifikan pada tahap $p < 0.01$

Jadual 2 menunjukkan Ujian-t perbandingan skor min ujian pra antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan untuk menjawab soalan kajian (a). Berdasarkan jadual tersebut nilai t bagi perbandingan skor ujian min ujian pra terhadap sikap graduan Kolej Komuniti kesan daripada penggunaan SPKK sebagai sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian adalah $t=0.912$. Tahap signifikan pula 0.01 adalah lebih kecil dari 0.05, ($p < 0.05$). Oleh itu hipotesis nul diterima dan dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min ujian pra terhadap sikap graduan Kolej Komuniti.

JADUAL 3: Ujian-t Perbandingan Skor Min Ujian Pra Antara Kumpulan Eksperimen Dengan Kumpulan Kawalan Terhadap Motivasi Graduan Kolej Komuniti Kesan Daripada penggunaan SPKK

Kumpulan	Bilangan	Skor Min	Sisihan lazim	Nilai-t	Tahap Signifikan
Eksperimen	20	47.2	17.122	0.932	0.00
Kawalan	20	42.1	21.144		

*Signifikan pada tahap $p < 0.05$

**Signifikan pada tahap $p < 0.01$

Jadual 3 menunjukkan Ujian-t perbandingan skor min ujian pra antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan untuk menjawab soalan kajian (b). Berdasarkan jadual tersebut nilai t bagi perbandingan skor ujian min ujian pra terhadap motivasi graduan Kolej Komuniti kesan daripada penggunaan SPKK sebagai sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian adalah $t=0.932$. Tahap signifikan pula 0.00 adalah lebih kecil dari 0.05, ($p < 0.05$). Oleh itu hipotesis nul diterima dan dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap skor min ujian pra terhadap motivasi graduan Kolej Komuniti.

Selain itu, berdasarkan pemerhatian semasa kajian dijalankan terhadap kumpulan eksperimen, pelajar lebih bersemangat untuk menggunakan SPKK ketika proses pendaftaran konvokesyen dilaksanakan. Selain itu masa pendaftaran lebih singkat dan pantas berikutan pengurusan pendaftaran menggunakan sistem maklumat automasi.

Perbandingan bilangan pelajar mengikut markah di dalam Ujian Pra dan Pasca adalah seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4 berikut.

Keberkesanan Sistem Pengurusan Kehadiran Konvokesyen Kolej Komuniti (SPKK) Terhadap Sikap dan Motivasi Graduan Kolej Komuniti Arau Perlis

JADUAL 4: Analisis Markah Ujian Pra dan Pasca Penggunaan SPKK

Markah	Bilangan Graduan	
	Pra	Pasca
10	0	7
9	0	5
8	1	5
7	6	2
6	3	1
5	3	0
< 5	7	0
Jumlah Graduan	20	20

Daripada 20 sampel yang mengambil kedua-dua ujian, hasilnya pengurangan sebanyak 100% terhadap bilangan graduan Kolej Komuniti Arau yang mendapat markah di bawah 5 berjaya dilakukan pada ujian pasca. Bilangan graduan Kolej Komuniti Arau yang mendapat markah penuh di dalam ujian pasca juga meningkat daripada tiada ketika ujian pra kepada 7 orang. Seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 4, tiada graduan yang mendapat markah 5 dan ke bawah di dalam ujian pasca. Manakala hasil dapatan untuk soal selidik yang telah dijawab oleh semua responden daripada kumpulan eksperimen pula boleh dilihat dalam analisis ringkas pada soal selidik seperti dalam Jadual 5 di bawah.

JADUAL 5: Hasil Analisa Soal Selidik

SKALA LIKERT		Sangat tidak setuju	tidak setuju	setuju	sangat setuju
		1	2	3	4
1	Pendaftaran konvokesyen secara manual di dalam institusi mudah dilakukan.	3	16	1	0
2	Saya lebih suka membuat pendaftaran konvokesyen tanpa menggunakan SPKK	5	15	0	0
3	Saya mendapati antaramuka SPKK menarik dan mudah digunakan	0	0	13	7
4	Saya mudah membuat pendaftaran konvokesyen selepas menggunakan SPKK	0	0	17	3
5	Saya rasa lebih bermotivasi membuat pendaftaran konvokesyen apabila menggunakan SPKK	0	0	10	10
6	Saya akan menggunakan SPKK untuk membuat pendaftaran pada masa hadapan sekiranya diberi peluang	0	0	15	5
7	Saya mengesyorkan penggunaan SPKK dalam membuat pendaftaran konvokesyen	0	1	8	11
8	Penggunaan SPKK dapat membantu meningkatkan minat saya dalam teknologi automasi pejabat	0	1	15	4

Selain itu, berdasarkan temubual yang dilakukan kepada 10 orang responden, 95% mengakui bahawa penggunaan penggunaan SPKK sebagai sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian membantu menarik minat mereka. Seramai 80% orang responden pula bersetuju bahawa penggunaan SPKK membantu meningkatkan motivasi mereka.

IV. KESIMPULAN

Penggunaan Sistem Pengurusan Kehadiran Konvokesyen Kolej Komuniti (SPKK) sebagai sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian di Kolej Komuniti Arau dapat membantu pengurusan konvokesyen yang lebih efisien dalam menjimatkan masa, kos dan tenaga pengurusan konvokesyen di Kolej Komuniti Arau. Hasil kajian mendapati penggunaan SPKK dapat mempengaruhi sikap dan motivasi graduan dalam menggunakan sistem pengurusan konvokesyen secara atas talian. Galakan penggunaan SPKK ini juga secara tidak langsung dapat memperkenalkan faedah dan kepentingan sinkronisasi auto dan internet yang menjadi pemangkin ekonomi dan teknologi semasa, seraya menyediakan warga Kolej Komuniti Arau dengan persediaan teknologi IR 4.0. Selain itu, penggunaan SPKK dapat memudahkan pengaksesan sistem dari mana-mana lokasi dengan syarat terdapat capaian internet dari lokasi tersebut. Justeru itu, penggunaan SPKK ini sekaligus dapat meningkatkan produktiviti di kalangan warga Kolej Komuniti Arau dalam meningkatkan prestasi kerja di dalam institusi dalam era globalisasi masa kini.

RUJUKAN

- Aiken, L. R. (2000). *Psychological testing and assessment (10th ed.)*. Boston: Allyn & Bacon
- Chen, D. Q., Mocker, M., Preston, D. S., & Teubner, A. (2010). *Information systems strategy: Reconceptualization, measurement, and implications*. *MIS Quarterly*, 34(2), pp. 233-259.
- Greenberg, Jerald and Robert A. Baron, (2000). *Behavior Organization*. New Jersey: Prentice-Hall. Inc.
- Kamus Dewan (2017). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia
- Lewin, K. (1946) Action Research and Minority Problems. *Journal of Social Issues*, 2, 34-46.
- Noraini Omar (2008). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan, Institut Perguruan Tun Abdul Razak*, Sarawak
- O'Brien, J.A, (2008), *Introduction to Information System 14th Edition*, Northern Arizona University, ISBN: 0073402923.
- O'Brien, J.A, (2008), *Management Information Systems Eight Edition*, Northern Arizona University, ISBN: 0073511544
- Politeknik Sultan Idris Shah (2019). *I-KONVO Politeknik Sultan Idris Shah*. Tersedia di: <http://www.psis.edu.my/index.php/mainmenu-seterusnya/mainmenu-umum/122-i-konvo> [Diakses pada 14 Ogos 2019].
- Santrock, J.W. (2005). *Psychology*, Seven Edition. Boston.: McGraw Hill
- Sharples, M. (2006). *M. Sharples (Eds.), Big issues in mobile learning (ms.4-5)*. The University of Nottingham, UK: LSRI.
- Taidin Suhaimin (2010). *Motivasi, Teknik Belajar dan Strategi Menghadapi Peperiksaan UCMG*. Ohio. USA.
- Tallon, P. P. & Pinsonneault, A. (2011). *Competing perspectives on the link between strategic information technology alignment and organizational agility: Insights from a mediation model*. *MIS Quarterly*. 35(2), pp. 463-486.
- Universiti Teknologi Malaysia (2019). *UTM Convocation*. Tersedia di: www.utm.my/convocation/. [Diakses pada 14 Ogos 2019].
- Universiti Teknologi MARA (2019). *UiTM Convocation*. Tersedia di: <https://konvokesyen.uitm.edu.my/v1/> [Diakses pada 14 Ogos 2019].
- Weiss, J. W & Thorogood, A. (2011). Information technology (IT)/business alignment as a strategic weapon: A diagnostic tool. *Engineering Management Journal*. 23(2), pp. 30-41